

**APLIKASI KAEDAH HIJAU OLEH PEMILIK KEDIAMAN**

**EZATUL SHARIDA BINTI AHMAD TERMIZI**

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

## **ABSTRAK**

Prinsip bangunan hijau adalah pengurangan tenaga yang digunakan sama ada tenaga sedia ada atau sumber semula jadi, pengurangan pencemaran yang membawa kepada kesan buruk kepada kesihatan dan pengurangan pemusnahan alam sekitar. Kewujudan prinsip bangunan hijau tidak diketahui oleh penduduk Malaysia dan tidak ramai mengetahui maksud konsep bangunan hijau itu sendiri. Sebelum ianya dilaksanakan pada peringkat global, konsep ini perlu dilaksanakan di kawasan perumahan kerana setiap pendidikan bermula dari rumah masing-masing. Amalan hijau tidak hanya melibatkan golongan professional malah semua manusia di muka bumi ini layak untuk menyumbang kepada ekosistem yang lebih terjamin. Untuk menjaga alam sekitar di muka bumi ini, manusia mampu melakukan penjimatan dari segi elektrik, air dan bahan-bahan. Oleh yang demikian, objektif dalam kajian adalah mengkaji amalan hijau di kawasan perumahan. Borang soal selidik akan diberi secara rawak yang melibatkan 100 buah rumah kediaman di sekitar Ipoh, Perak. Borang soal selidik akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A ialah maklumat responden dan bahagian B ialah amalan hijau. Di dalam bahagian B, akan dipecahkan kepada penggunaan elektrik, air, kualiti persekitaran dalaman, pengitaran dan penggunaan semula bahan dan praktis amalan hijau. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa penduduk di kawasan isi rumah di kawasan kajian telah mengaplikasi amalan hijau dalam aktiviti seharian demi menjamin kualiti muka bumi dan kehidupan.

## **ABSTRACT**

Green building principle is reduction of energy consumption of existing and natural resources, pollution reduction in the residence that lead to the adverse effects to health and reduction of environment destruction. The existence of green building principles is not known to Malaysians and not many people know the purpose of the concept of green building concept. Before green building concept is implemented at the global, this concept should be implemented in residential areas because each education begin from their homes. Green practices not only involve the professionals but all men on earth are eligible to contribute to the ecosystem more secure. To protect the environment on earth, human can make saving in term of electricity, water and materials. Therefore, the objective of this research is to investigate how resident apply the green practice in their daily activities. Research conducted through questionnaire techniques will given randomly involving 100 residential houses around Ipoh, Perak. Questionnaire will be divided into two part which are part A is respondent details and part B is green practices. In part B, there are usage of electricity, water, internal environment, recyle and reuse and green practices. Research findings show that residents in the area housing practice green to ensure the quality of the land and their life.